



NEGERI PULAU PINANG

DALAM MAHKAMAH SESYEN GEORGETOWN

[GUAMAN SIVIL NO: PA-A52M-164-12-2018]

Antara

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

... PLAINTIF

Dan

AZLAN RAOFUDDIN BIN NURUDDIN ... DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Melalui Notis Permohonan bertarikh 2.1.2019 (Lampiran 7), Plaintiff membuat permohonan di bawah Aturan 14 Kaedah 1 dan Kaedah 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 supaya penghakiman terus dicatatkan terhadap Defendan untuk:

- (a) Jumlah wang sebanyak RM204,930.01 setakat 29.11.2018;
- (b) Ta'widh pada kadar 1% setahun atas jumlah RM204,930.01 dikira mulai 30.11.2018 hingga tarikh penghakiman;
- (c) Caj bayaran lewat pada kadar 5% setahun atas jumlah RM204,930.01 dikira dari tarikh penghakiman hingga penyelesaian penuh;
- (d) Kos tindakan ini;

(e) Lain-lain relif yang difikirkan patut dan suaimanfaat oleh Mahkamah.

Afidavit sokongan Plaintiff (Lampiran 8)

[2] Atas permintaan Defendan, Plaintiff menerusi Surat Tawaran, Permintaan Belian, Surat Agensi, Surat Arahan Tidak Boleh Batal dan Kontrak Jualan Murabahah (selepas ini dikenali secara kolektif sebagai “Perjanjian Pembiayaan tersebut”) telah menawarkan kepada Defendan dan Defendan bersetuju menerima tawaran Plaintiff untuk suatu kemudahan berjumlah RM150,000.00 di bawah konsep Syariah iaitu Murabahah yang menerima pakai kaedah *Tawarruq*.

[3] Antara syarat-syarat dalam Perjanjian Pembiayaan tersebut ialah Plaintiff membeli komoditi produk berasaskan minyak mentah kelapa sawit pada harga kos belian RM150,000.00. Defendan pula bersetuju memasuki Kontrak Jualan Murabahah di mana Defendan membeli komoditi tersebut dari Plaintiff pada harga jualan sebanyak RM189,656.25. Harga jualan hendaklah dibayar oleh Defendan kepada Plaintiff melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) selepas tamat tempoh pembiayaan selama 47 bulan dari tarikh pengeluaran penuh pembiayaan.

[4] Plaintiff telah melepaskan pembiayaan sebanyak RM150,000.00 (hasil jualan komoditi) kepada Defendan untuk manfaat Defendan. Selepas tamat tarikh pembiayaan selama 47 bulan iaitu sekitar 31.8.2015 (tarikh matang), Defendan didapati gagal atau ingkar membuat pembayaran balik harga jualan sebanyak RM189,656.25.

[5] Notis Tuntutan bertarikh 22.10.2018 telah dikeluarkan terhadap Defendan menuntut jumlah hutang termasuk pampasan kelewatan sebanyak RM204,406.14 setakat 22.10.2018. Defendan gagal membuat pembayaran berkenaan.

[6] Sijil Keberhutangan bertarikh 2.1.2019 telah dikeluarkan di mana disahkan baki harga jualan yang perlu dibayar oleh Defendan setakat 29.11.2018 ialah RM204,930.01.

Afidavit jawapan Defendan (Lampiran 12)

[7] Asas tuntutan Plaintiff ialah pinjaman sebanyak RM150,000.00 berdasarkan Surat Tawaran bertarikh 6.9.2011. Surat Tawaran bertarikh 6.9.2011 ini telah diatasi (*superseded*) dengan Surat Tawaran bertarikh 26.3.2015. Oleh itu, Surat Tawaran bertarikh 6.9.2011 tidak wujud lagi dan dengan demikian Plaintiff tiada kausa tindakan terhadap Defendan menurut Surat Tawaran bertarikh 6.9.2011.

[8] Plaintiff sebelum ini telah menfailkan tindakan terhadap Defendan berdasarkan Surat Tawaran bertarikh 26.3.2015 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur (Saman No. WA-A52M-4504-11-2017) tetapi telah menarik balik tindakan tersebut dengan kebebasan menfailkan semula setelah Defendan menfailkan Pembelaan.

[9] Jika pun tindakan penfailan semula dibuat, ia adalah berkenaan Surat Tawaran bertarikh 26.3.2015 dan bukannya berdasarkan Surat Tawaran bertarikh 6.9.2011.

[10] Defendan menentang permohonan Plaintiff untuk penghakiman terus ini kerana transaksi pinjaman yang menjadi asas kausa tindakan Plaintiff adalah tidak sah dan dihalang oleh undang-undang. Ini disebabkan berdasarkan terma dalam Surat Tawaran bertarikh 6.9.2011, pembayaran harga jualan hendaklah dibayar oleh Defendan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) kepada Plaintiff dalam tempoh 47 bulan dari pengeluaran penuh. Oleh itu, arahan pembayaran hendaklah dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan bukannya kepada Defendan.

Afidavit jawapan Plaintiff (Lampiran 13)

[11] Surat Tawaran bertarikh 6.9.2011 masih sah dan berkuatkuasa kerana ia tidak pernah diakas atau diatasi oleh perjanjian atau Surat Tawaran bertarikh 26.3.2015. Setelah siasatan dalaman dijalankan oleh Plaintiff, didapati Surat Tawaran bertarikh 26.3.2015 adalah tidak berkuatkuasa dan tidak sah kerana tidak pernah diterima atau ditandatangani oleh Defendan. Malah, Plaintiff tidak pernah membuat pelepasan sebanyak RM197,000.00 seperti mana di dalam Surat Tawaran bertarikh 26.3.2015.

[12] Tindakan yang difailkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur (Saman No. WA-A52M-4504-11-2017) ditarikbalik kerana:

- (a) Defendan telah menfailkan Pembelaan yang menafikan menandatangani Surat Tawaran bertarikh 26.3.2015;
- (b) Setelah siasatan dalaman dijalankan oleh Plaintiff, didapati Surat Tawaran bertarikh 26.3.2015 adalah tidak berkuatkuasa dan tidak sah kerana tidak pernah diterima atau ditandatangani oleh Defendan. Oleh itu, ianya tidak sah dan tidak mengikat Plaintiff atau Defendan.

[13] Oleh itu, jika Defendan menafikan menandatangani Surat Tawaran bertarikh 26.3.2015 maka Surat Tawaran bertarikh 6.9.2011 tidak boleh diatasi atau terbatal. Defendan terikat dengan kontrak yang ditandatangani dan wajar diestop dari menafikan hakikat bahawa Defendan telah menerima pembiayaan dari Plaintiff.

[14] Defendan hanya membangkitkan isu teknikal yang tidak berasas semata-mata untuk mengelak liabiliti dan sengaja cuba melengahkan pembayaran hutang kepada Plaintiff meskipun tarikh pembayaran harga jualan telah terakru sejak 31.8.2015.

[15] Defendan tidak pernah menafikan menandatangani Surat Tawaran bertarikh 6.9.2011 atau menafikan menerima wang pembiayaan berjumlah RM150,000.00 dari Plaintiff.

[16] Transaksi antara Plaintiff dan Defendan adalah sah menurut prinsip Syariah dengan menggunakan konsep Murabahah yang menerima pakai kaedah *Tawarruq* dan tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang.

[17] Pihak-pihak tidak pernah menandatangani apa-apa bentuk dokumen atau instrumen serahhak (*deed of assignment*) atau pindahmilik wang pencen atau ganjaran untuk memenuhi apa-apa tuntutan atau penghakiman.

[18] Dakwaan Defendan bahawa transaksi pinjaman yang menjadi asas kausa tindakan Plaintiff adalah tidak sah dan dihalang oleh undang-undang adalah tidak *bona fide* dan hanyalah suatu *afterthought* kerana ia dibangkitkan selepas tindakan ini difailkan dan selepas wang pembiayaan diterima oleh Defendan.

[19] Plaintiff menfailkan tindakan ini terhadap Defendan kerana Plaintiff dan Defendan yang *privy* dan menjadi pihak kepada Surat Tawaran bertarikh 6.9.2011.

Keputusan Mahkamah

[20] Prinsip mengenai penghakiman terus adalah jelas. Penghakiman terus hanya boleh diberikan dalam keadaan kes tersebut benar-benar jelas dan terang tidak mempunyai isu untuk dibicarakan. Jika seseorang Defendan dapat menimbulkan satu isu sahaja yang boleh dibicarakan maka penghakiman terus tidak boleh diberikan.

[21] Di dalam kes *Chin Yuan Tai lwn. Teraxis Construction Sdn Bhd & 3 Ors* [2014] 1 LNS 259 diputuskan “*Summary judgment can only*

be granted in a plain and obvious case with no triable issues (see Bank Negara Malaysia lwn. Mohd Ismail & Ors [1992] 1 MLJ 400)”.

[22] Di dalam kes *South East Asia Insurance Bhd lwn. Kerajaan Malaysia* [1998] 1 CLJ 1045 diputuskan “*It is well settled that if a defendant in an O. 14 application succeeds in raising even a single triable issue, it will not be a fit and proper case to order summary judgment. It is only in plain and obvious cases where there are no issues to be tried should recourse be had to O. 14*”.

[23] Di dalam kes *Bank Negara Malaysia lwn. v. Mohd Ismail & Ors* [1992] 1 MLJ 400 Mahkamah Agung menyatakan:

“Under an O. 14 application, the duty of a judge does not end as soon as a fact is asserted by one party, and denied or disputed by the other in an affidavit. Where such assertion, denial or dispute is equivocal, or lacking in precision or is inconsistent with undisputed contemporary documents or other statements by the same deponent, or is inherently improbable in itself, then the judge has a duty to reject such assertion or denial, thereby rendering the issue not triable. Unless this principle is adhered to, a judge is in no position to exercise his discretion judicially in an O 14 application.”

[24] Berdasarkan kes-kes di atas serta affidavit-afidavit yang difailkan, Mahkamah mendapati kes di hadapan Mahkamah ini adalah suatu kes yang benar-benar jelas dan terang yang mewajarkan suatu penghakiman terus dimasukkan dan Defendan tidak dapat menimbulkan walau satu isu pun untuk dibicarakan.

[25] Mahkamah berpendapat setelah Defendan menerima pembiayaan dan mendapat manfaat dari Plaintiff maka adalah tidak wajar pada peringkat ini Defendan membangkitkan isu transaksi pinjaman yang menjadi asas kausa tindakan Plaintiff adalah tidak sah dan dihalang oleh undang-undang. Defendan juga tidak sepatutnya membangkitkan

isu ini setelah hampir tujuh tahun lebih iaitu sejak 2011 Defendan menggunakan wang pembiayaan dari Plaintiff.

[26] Oleh itu, Mahkamah bersetuju dengan Plaintiff yang mengatakan dakwaan Defendan bahawa transaksi pinjaman yang menjadi asas kausa tindakan Plaintiff adalah tidak sah dan dihalang oleh undang-undang adalah tidak *bona fide* dan hanyalah suatu *afterthought* kerana ia dibangkitkan selepas tindakan ini difailkan dan selepas wang pembiayaan diterima oleh Defendan.

[27] Mahkamah juga bersetuju dengan Plaintiff yang mengatakan Defendan hanya membangkitkan isu teknikal yang tidak berasas semata-mata untuk mengelak liabiliti dan sengaja cuba melengahkan pembayaran hutang kepada Plaintiff meskipun tarikh pembayaran harga jualan telah terakru sejak 31.8.2015.

[28] Di dalam kes yang dirujuk oleh Plaintiff iaitu kes *Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim lwn. Bank Islam Malaysia Berhad* [2010] 4 CLJ 388 Mahkamah Tinggi memutuskan seperti berikut:

“Following the well established principle in Ng Hee Thong it must be borne in mind that the triable issue raised in resisting an O. 14 application must be bona fide. The issue before me is therefore whether the challenge on the validity of the BBA Facility Agreement is a bona fide triable issue. In my view, questioning of the validity of an agreement after benefiting from it and upon default, in itself lacks bona fide. I say this because Tan Sri Khalid was in the position to obtain any Syariah or legal advice at the time he entered into these agreements with the bank. To turn around and challenge the validity of an agreement entered voluntarily after reaping the benefit under it appears to be a mere afterthought. This is also akin to a case of a Muslim who goes into a restaurant, had a meal, only to inquire after the meal if the food is non halal and when told that is so, refuses to pay for it. Such conduct cannot reflect a serious concern of the

Syariah compliance, but more of an attempt to renege contractual obligations which have been voluntarily agreed and acted upon by the other party” (ayat-ayat bertanda hitam diberi penekanan).

[29] Mahkamah juga merujuk kepada satu kes lagi yang dikemukakan oleh Plaintiff iaitu kes *United Trade Arena (M) Sdn Bhd lwn. Bank Pertanian Malaysia Berhad* [2016] 1 CLJ 979 di mana Mahkamah Rayuan Malaysia memutuskan seperti berikut:

*“The learned judge found that the averments made by the defendants that the asset sale agreement was executed prior to the asset purchase agreement were mere allegations and unsubstantiated, **made as an attempt to evade the defendant’s contractual obligations.***

*We agreed with the findings of the learned judge that **the defendants who were fully availed by the plaintiff cannot now, after seven years dispute the validity of the agreements** by suggesting they were executed in a different order. Be that as it may, both the documents were dated the same date and most probably were executed at about the same time. Both parties were aware of what they were contracting for” (ayat-ayat bertanda hitam diberi penekanan).*

[30] Apabila Defendan telah menandatangani Perjanjian Pembiayaan tersebut maka Defendan adalah terikat dengan terma-terma di dalam Perjanjian Pembiayaan tersebut. Di dalam kes *Nor Azlina Abdul Aziz lwn. Aminah Omar* [1998] 2 CLJ 527, Mahkamah Tinggi memutuskan seperti berikut:

“In my judgment, the defendant having signed the agreement must be bound by it. It was irrelevant and immaterial if the defendant did not read the document in question. Even if the defendant could not read the language in which the agreement was drafted, she was still bound by it contractually. In my judgment, there was not an iota of evidence

to show that the defendant did not know the intent and purport of the agreement when she thumbprinted it”.

[31] Selain itu, apabila sesuatu dokumen yang mengandungi terma-terma kontrak ditandatangani dan jika tiada unsur *fraud* atau *misrepresentation* di dalam menandatangani dokumen berkenaan maka pihak yang menandatangani dokumen tersebut adalah terikat dengan terma-terma kontrak berkenaan.

[32] Adalah bukan sesuatu yang *material* sama ada pihak tersebut telah membaca dokumen berkenaan atau tidak atau pun sama ada pihak tersebut tidak memahami Bahasa Inggeris dan kandungannya tidak diterangkan kepada pihak tersebut (jika berkaitan).

[33] Di dalam kes *Ooi Yoke In (F) lwn. Public Finance Berhad* [1993] 2 CLJ 464 Mahkamah Tinggi memutuskan “*When a document containing contractual terms is signed, then in the absence of fraud or misrepresentation, the party signing it is bound, and it is wholly immaterial whether he has read the document or not or whether he knows no English and the contents were not explained to him”.*

[34] Defendan telah gagal menunjukkan bahawa Perjanjian Pembiayaan tersebut yang ditandatangani oleh Defendan itu dibuat secara *fraud* atau *misrepresentation*. Jika pun diandaikan Defendan tidak memahami Bahasa Inggeris dan Perjanjian Pembiayaan tersebut kandungannya tidak diterangkan kepada Defendan, Defendan tetap terikat dengan terma-terma di dalam Perjanjian Pembiayaan tersebut kerana unsur *fraud* atau *misrepresentation* tidak ditunjukkan.

[35] Memandangkan Perjanjian Pembiayaan tersebut dimasuki secara sah oleh Defendan maka apabila berlaku keingkaran di dalam perjanjian Defendan adalah terikat dengan syarat-syarat yang dikenakan di dalam Perjanjian Pembiayaan tersebut.

[36] Mengenai Sijil Keberhutangan (*Certificate of Indebtedness*) bertarikh 2.1.2019 yang telah dikeluarkan di mana disahkan baki harga jualan yang perlu dibayar oleh Defendan setakat 29.11.2018 ialah RM204,930.01 adalah didapati Defendan telah gagal mencabar atau mempertikaikan pengiraan tuntutan berkenaan.

[37] Di dalam kes *Cempaka Finance Bhd lwn. Ho Lai Ying (trading as KH Trading) & Anor* [2006] 2 MLJ 685, Mahkamah Persekutuan Malaysia memutuskan bahawa “*A Certificate of Indebtedness operates in the field of adjectival law. It excuses the plaintiff from adducing proof of debt. Such a certificate shifts the burden onto the defendant to disprove the amount claim.*”

[38] Di dalam kes *Citibank NA lwn. Ooi Boon Leong* [1981] 1 MLJ 282, Mahkamah Persekutuan Malaysia memutuskan seperti berikut:

“In the present case the guarantee contains a clause which enables the bank by producing a certificate of indebtedness to dispense with legal proof of the actual indebtedness of the respondents. Clause 19 provides thus “A certificate by an officer of the bank as to the money and liabilities for the time being due or incurred to the bank from or by the customer shall be conclusive evidence in any legal proceedings against us or any one of us or our personal representatives.”

It means that, for the purpose of fixing liability of the respondents, the company’s indebtedness may be ascertained conclusively by a certificate... In the circumstances the respondents are bound under clause 19 to accept the certificate of indebtedness duly executed by the Assistant Vice-President of the Branch as conclusive evidence of the debt due to the bank. On this footing the bank would be entitled for judgment as prayed for”.

[39] Di dalam kes *Standard Chartered Bank Malaysia Berhad lwn. Computer Related Media Sdn Bhd & Anor* [2015] 1 LNS 20 Mahkamah Tinggi menyatakan seperti berikut:

“The Certificate of Indebtedness shall be conclusive evidence of the Outstanding Sum and the Interest Rate claimed by Plaintiff...a certificate of indebtedness is conclusive unless the borrower is able to prove fraud or show manifest error in respect of that certificate”.

[40] Apabila jelas Plaintiff berhak untuk mendapatkan wangnya dan tiada isu untuk dibicarakan maka Plaintiff sepatutnya tidak dilengahkan dari menerima wang berkenaan. Mahkamah merujuk kepada kes yang dikemukakan oleh Plaintiff iaitu kes *Malayan Insurance (M) Sdn Bhd lwn. Asia Hotel Sdn Bhd* [1987] 1 CLJ 246; [1987] CLJ (Rep) 182 di mana Mahkamah Agung memutuskan seperti berikut:

“The underlying philosophy in the O. 14 provision is to prevent a plaintiff clearly entitled to the money from being delayed his judgment where there is no fairly arguable defence to the claim. The provision should only be applied to cases where there is no reasonable doubt that the plaintiff is entitled to judgment”.

[41] Berdasarkan perkara-perkara di atas, Mahkamah memutuskan Notis Permohonan Plaintiff seperti mana dalam Lampiran 7 dibenarkan dengan kos sebanyak RM3,000.00 dibayar oleh Defendan kepada Plaintiff.

Tarikh: 24 APRIL 2019

(JOHARI HASSAN)

Hakim

Mahkamah Sesyen Georgetown

Pulau Pinang

KAUNSEL:

Bagi pihak plaintif – T/n Akram Hizri Azad & Azmir
Peguambela & Peguamcara
Suite 9.03 Level 9 Wisma Zelan
No.1 Jalan Tasik Permaisuri 2
Bandar Tun Razak
56000 Kuala Lumpur

Bagi pihak defendan – T/n Norliza & Associates
Peguambela & Peguamcara
No.31-13A-11 The CEO
Lebuh Nipah 5
Sungai Nibong
11900 Pulau Pinang

Kes-kes yang dirujuk:

Chin Yuan Tai lwn. Teraxis Construction Sdn Bhd & 3 Ors [2014] 1 LNS 259

South East Asia Insurance Bhd lwn. Kerajaan Malaysia [1998] 1 CLJ 1045

Bank Negara Malaysia lwn. v. Mohd Ismail & Ors [1992] 1 MLJ 400

Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim lwn. Bank Islam Malaysia Berhad [2010] 4 CLJ 388

United Trade Arena (M) Sdn Bhd lwn. Bank Pertanian Malaysia Berhad [2016] 1 CLJ 979

Nor Azlina Abdul Aziz lwn. Aminah Omar [1998] 2 CLJ 527

Ooi Yoke In (F) lwn. Public Finance Berhad [1993] 2 CLJ 464



[2019] 5 LNS 27

Legal Network Series

Cempaka Finance Bhd lwn. Ho Lai Ying (trading as KH Trading) & Anor [2006] 2 MLJ 685

Citibank NA lwn. Ooi Boon Leong [1981] 1 MLJ 282

Standard Chartered Bank Malaysia Berhad lwn. Computer Related Media Sdn Bhd & Anor [2015] 1 LNS 20

Malayan Insurance (M) Sdn Bhd lwn. Asia Hotel Sdn Bhd [1987] 1 CLJ 246; [1987] CLJ (Rep) 182

Perundangan yang dirujuk:

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 14 kk. 1, 3